



KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM

## **SIARAN MEDIA**

### **3,965 HEKTAR HUTAN PAYA LAUT DIPULIHKAN, 9.3 JUTA POKOK BAKAU DAN SPESIES SESUAI DITANAM**

---

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) menerusi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS) dan Jabatan Perhutanan Negeri telah menganjurkan Majlis Perasmian Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2026 yang bertemakan “Ekosistem Hutan Paya Laut Ke Arah Kelestarian Ekonomi Biru”.

Raja Muda Kedah, Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Sultan Sallehuddin berkenan mencemar duli bagi menyempurnakan Majlis tersebut. Majlis ini menjadi wadah untuk memperkukuh kesedaran dan komitmen semua pihak terhadap kepentingan pemeliharaan serta pemuliharaan ekosistem hutan paya laut sebagai aset alam sekitar, ekonomi dan sosial negara.

Dalam ucapan aluan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Dato’ Sri Arthur Joseph Kurup yang dibacakan oleh Ketua Pengarah JPMS, Dato’ Mohd Radhi Chu bin Abdullah, sehingga tahun 2025, sebanyak RM71.3 juta telah diperuntukkan melalui Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara bagi melaksanakan aktiviti penanaman, penyelenggaraan, penyelidikan, pemantauan serta kesedaran awam.

Katanya, sebanyak 3,965 hektar kawasan hutan paya laut di seluruh negara telah berjaya dipulihkan melalui penanaman lebih 9.3 juta pokok bakau dan spesies yang sesuai, hasil komitmen berterusan Kerajaan dalam memelihara dan memulihara ekosistem pesisiran pantai.

Bagi meneruskan agenda ini, sejumlah RM2.0 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) khusus bagi melaksanakan usaha

pemeliharaan dan pemuliharaan hutan paya laut serta kawasan pesisiran pantai bagi tahun 2026 melibatkan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Ujarnya lagi, usaha pemuliharaan hutan paya laut ini dilaksanakan secara kolaboratif melibatkan JPSM, Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Hutan Sarawak dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) serta pelbagai pihak berkepentingan. Penglibatan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti setempat turut menjadi antara faktor penting dalam memastikan usaha pemuliharaan dapat dilaksanakan secara berterusan. Sejumlah 12 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti setempat telah memainkan peranan dalam menyokong usaha Kerajaan menerusi aktiviti pendidikan alam sekitar, kesedaran awam dan pemuliharaan ekosistem.

Dalam majlis perasmian tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Kedah turut berkenan menyampaikan sijil penghargaan kepada empat (4) Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti yang telah menzahirkan komitmen tinggi dalam memelihara ekosistem hutan paya laut, iaitu Pertubuhan Sahabat Hutan Bakau Kampung Taman Nilam, Kelab Pendidikan Dan Kebajikan Puncak, Lembah Bujang dan Persatuan Pendidikan Dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (JARING).

Sambutan turut disokong dengan penganjuran Seminar Hutan Paya Laut dan Pesisiran Pantai Peringkat Kebangsaan Tahun 2026 oleh JPSM dengan kerjasama FRIM. Seminar ini telah menampilkan 12 kertas kerja dan 15 poster teknikal serta sembilan (9) reruai pameran yang menguar-uarkan tentang pelbagai aspek berkaitan pengurusan, penyelidikan dan pemuliharaan hutan paya laut. Platform ini menyediakan ruang kepada para penyelidik, pegawai teknikal, agensi kerajaan dan pihak berkepentingan untuk berkongsi ilmu serta amalan terbaik bagi memperkukuh pengurusan ekosistem hutan paya laut negara.

Turut hadir adalah Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Dato' Seri Haji Norizan bin Khazali, dan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Dato' Mohd Radhi Chu bin Abdullah.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)**  
**24 OGOS 2026**

